

06/07/2002

Hina PM, TPM: Pas perlu beri penjelasan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pas perlu memberi penjelasan kepada masyarakat, terutama umat Islam, berhubung tindakan beberapa pemimpinnya yang mengeluarkan kata-kata kesat dan menghina pemimpin Umno.

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr Ismail Ibrahim, berkata Pas perlu memaklumkan sama ada tindakan itu direstui pucuk pemimpin parti berkenaan atau berdasarkan pandangan peribadi.

"Semua umat Islam yang pernah belajar sama ada di sekolah rendah atau menengah tahu bahawa perbuatan mengumpat dan memaki hamun orang lain ditegah agama, malah dalam al-Quran perbuatan itu diumpama seseorang yang sanggup memakan mayat saudaranya.

"Dalam beberapa konteks, al-Quran ada menyebut perbuatan itu bukan saja dilarang membabitkan sesama agama, malah kita tidak boleh sesuka hati memaki hamun mereka yang berlainan agama.

"Jika berlaku sebarang kesilapan atau masalah, ia perlu diselesaikan secara hikmah atau nasihat, bukannya dengan menghina atau mengumpat," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Ahli Parlimen Kuala Kedah, Mohamad Sabu dan Ahli Parlimen Sik, Prof Datuk Shahnnon Ahmad yang menghina dan mengumpat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sedutan kata-kata kesat Mohamad yang juga Timbalan Pesuruhjaya Pas Kedah terhadap Dr Mahathir, disiarkan melalui Saluran Perdana Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Antara lain Mohamad yang lebih dikenali sebagai Mat Sabu, menyifatkan Perdana Menteri sebagai orang gila dan haprak.

Mengulas lanjut, Dr Ismail berkata, dalam masyarakat bertamadun sekarang, perbuatan itu tidak sepatutnya dilakukan.

"Sebagai Ahli Parlimen dan dijadikan role model (ikutan dan contoh) oleh rakyat, Mat Sabu dan Shahnnon perlu menunjukkan contoh yang baik.

"Tetapi dalam hal ini, dia (Mat Sabu) sebagai seorang pemimpin parti Islam dengan sewenang-wenangnya menghina dan mengeluarkan kata-kata kesat kepada orang Islam lain, sedangkan perkara itu ditegah agama manakala Shahnnon pula menggunakan kemahirannya dalam bidang penulisan untuk mencaci orang lain," katanya.

Exco Pemuda Umno, Dr Adham Baba, berkata perbuatan Mat Sabu dan Shahnnon itu menimbulkan rasa benci dan meluat penyokong Pas kepada parti itu.

Beliau yang juga Pengerusi Biro Pendidikan Pemuda Umno berkata, Pas sengaja menimbulkan perkara itu bagi menaikkan semula semangat penyokong parti berkenaan terutama menjelang pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit berikutan keputusan Dr Mahathir mengekalkan jawatannya sehingga Oktober tahun depan.

"Kehadiran semula Perdana Menteri memberi kesan psikologi kepada Pas yang kini berada dalam keadaan lemah.

"Tindakan mereka menunjukkan Pas adalah sebuah parti yang retorik dan tidak boleh meyakinkan rakyat," katanya.

Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP), Datuk M Kayveas, dalam satu kenyataan pula berkata, perbuatan Mat Sabu dan Shahnnon yang juga Sasterawan Negara menunjukkan mereka mempunyai nilai diri yang rendah.

"Mencaci dan menghina menunjukkan mereka sebagai pemimpin yang tidak matang. Perbuatan mereka itu dilihat sebagai tidak bertanggungjawab dan mempunyai kepentingan sendiri," katanya.

Beliau berkata, dengan memburukkan Dr Mahathir dan Abdullah, kedua-dua pemimpin Pas itu cuba meraih sokongan rakyat untuk kepentingan politik Pas dan diri mereka sendiri.

"Sebagai insan yang waras, kita dapat menilai sendiri kepemimpinan yang baik. Seorang pemimpin yang baik tidak akan mencaci atau menghina orang lain dengan kata-kata kesat," katanya.